

11/05/2002

Pendekatan baru bahasa Inggeris usah diperdebat

ORANG Perancis yang dahulunya amat taksib dengan bahasa mereka, hari ini mengakui kepentingan penguasaan bahasa Inggeris untuk menguasai ilmu. Jepun dan Korea Selatan, yang memberatkan penggunaan bahasa ibunda di sekolah dan universiti, sudah membuka pintu seluas-luasnya kepada kedatangan tenaga pengajar bahasa Inggeris. Malah, China turut agresif memperluaskan penguasaan bahasa berkenaan di kalangan rakyatnya dengan tujuan bukan saja untuk menganjurkan acara antarabangsa besar, malah memperengkap mereka dalam mendepani cabaran masa depan.

Di negara ini, apabila isu kelemahan penguasaan bahasa Inggeris berbangkit kembali akhir-akhir ini, perdebatan mengenainya tidak mungkin menemui noktah. Di antara cadangan mewujudkan semula sistem sekolah aliran Inggeris, memperbanyak subjek menggunakan bahasa Inggeris serta kebimbangan martabat bahasa kebangsaan akan kesudahannya ditenggelami, pelbagai pihak mempunyai pendapat dan alasan. Sambil mereka yang bersetuju diinsafkan oleh kesedaran terhadap perlunya penguasaan bahasa Inggeris untuk berdaya saing, mereka yang membantah pula bimbang kepentingan bahasa Melayu akan lambat-laun terhakis.

Dalam mencerna dan menggarap pelbagai pendapat yang ditimbulkan, ternyata sukar untuk satu titik pertemuan dicari. Setiap sesuatu cadangan mempunyai 'merit' dan 'demerit' tersendiri. Andai diakui sistem sekolah aliran Inggeris masa lampau melahirkan ramai pelajar yang dapat menguasai bahasa berkenaan dengan baik, ada juga pendapat Dasar Pendidikan Kebangsaan yang berteraskan penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama sudah terbukti berjaya menghasilkan ratusan ribu tenaga pembina dan penggerak pembangunan negara dalam pelbagai lapangan.

Namun, sama ada disukai atau tidak, keadaan tidak boleh dibiarkan seadanya. Lantaran itu, keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno semalam menolak cadangan supaya diwujudkan semula sekolah aliran bahasa Inggeris, sebaliknya memperluaskan penggunaan bahasa berkenaan dalam subjek sains dan matematik pada peringkat tahun satu sekolah rendah, harus dialu-alukan sebagai langkah mula. Pengenalan subjek kesusasteraan Inggeris kontemporari juga akan lebih kerap mendedahkan murid kepada bahasa berkenaan. Dengan mengambil kira pelbagai halangan, termasuk kekurangan guru yang menguasai bahasa Inggeris dengan baik, perubahan pendekatan yang dicadangkan adalah memadai.

Kita amat bersetuju dengan pandangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa sebarang langkah mewujudkan semula sekolah aliran bahasa Inggeris bukan saja tidak secocok dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan, malah akan dilihat sebagai langkah ke belakang. Jika itu yang menjadi pilihan, tentunya kekurangan dan halangannya akan lebih banyak juga. Mengambil contoh sekolah rendah jenis kebangsaan Cina, penguasaan muridnya dalam subjek Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris tetap baik walaupun bahasa pengantarnya adalah bahasa Cina, kaedah pengajarannya boleh diteladani.

Sebenarnya, apa juga langkah mengatasi kelemahan penguasaan bahasa Inggeris memerlukan perancangan menyeluruh. Penekanan bukan saja harus diberi kepada keupayaan pelajar, apatah lagi di sekolah luar bandar yang lumrahnya agak ketinggalan dalam penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertuturan harian, malah usaha melahirkan guru berkualiti dalam menjayakan matlamat dicita-citakan. Kaedah pengajaran bahasa itu hendaklah diperbaiki dan dipertingkatkan. Hanya sesudah itu, barulah syarat lulus bahasa Inggeris sebagai keperluan untuk lulus peperiksaan boleh dipertimbangkan.

(END)